

19 AUG 1998

Abdullah-Singapura

TIADA PETANDA S'PURA MULAKAN RUNDINGAN SELESAI PERTIKAIAN

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata Singapura belum lagi menghubungi Kuala Lumpur untuk mengadakan perbincangan di peringkat tertinggi bagi menyelesaikan pertikaian di antara kedua-dua negara.

"Belum lagi," kata beliau ketika ditanya sama ada Singapura telah memberi sebarang petanda untuk memulakan rundingan bagi menyelesaikan pertikaian antara Malaysia dan Singapura, khususnya mengenai isu pusat pemeriksaan imigresen Malaysia di Tanjong Pagar.

Pada 1 Ogos lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak berhasrat untuk mempunyai persengketaan dengan Singapura dan menyeru negara itu menyelesaikan isu pusat pemeriksaan imigresen itu.

Bercakap kepada pemberita selepas menerima memorandum bantahan mengenai beberapa tindakan Singapura daripada Umno bahagian Cheras di pejabatnya di sini, Abdullah berkata Kementerian Luar belum menerima apa-apa reaksi daripada kerajaan Singapura untuk memulakan rundingan di peringkat tertinggi.

"Boleh jadi dia orang (Singapura) merasa lega dengan keadaan sekarang ini yang agak tenang," kata beliau.

Kedua-dua negara kini menghadapi kebuntuan ekoran keputusan Singapura untuk memindahkan pusat pemeriksaan kastam, imigresen dan kuarantin (CIQ) dari stesen Tanjong Pagar yang dimiliki Keretapi Tanah Melayu (KTM Berhad) di selatan Singapura ke Woodlands di bahagian utara berhampiran dengan sempadannya dengan Malaysia mulai 1 Ogos lepas.

Bagaimanapun, Malaysia tetap dengan pendiriannya tidak akan memindahkan CIQ ke Woodlands.

Abdullah berkata beberapa undang-undang telah ditimbulkan mengenai kedudukan Malaysia berkaitan isu CIQ itu.

Kata beliau, Malaysia perlu mengetengah serta mempertahankan hujah-hujahnya mengenai mengapa ia tidak akan berpindah dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

Mengenai memorandum Umno Cheras itu yang disampaikan kepada beliau oleh ketuanya Syed Ali Alhabshee, Abdullah berkata segala cadangan yang dikemukakan oleh mana-mana pihak mengenai hubungan Malaysia-Singapura akan dijadikan panduan dalam perbincangan di antara kedua-dua negara.

Beliau juga berkata ketegasan dan pendirian Malaysia dalam apa jua perkara tidak pernah dikompromi dalam hubungannya dengan mana-mana negara termasuk Singapura.

-- BERNAMA

ES AKD